

54 24/3/2021
n/s 28

Lima nelayan Indonesia ditahan

GEORGETOWN - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Pulau Pinang menahan sebuah bot nelayan Indonesia bersama lima kru kira-kira jam 5 petang, Isnin.

Pengarah Maritimnya, Kepsten Abdul Razak Mohamed berkata, bot tersebut ditahan oleh sepasukan penguat kuasa yang menaiki kapal KM Burau ketika menjalankan rondaan dalam Op Pertiwi/Op Benteng/Op Tanjung pada kedudukan 32.3 batu nautika barat Pulau Kendi.

Menurutnya, ketika rondaan, bot tersebut didapati sedang melakukan aktiviti menangkap ikan dalam perairan negara.

"Pemeriksaan mendapati, bot tersebut dikendalikan lima kru warga Indonesia termasuk



tekong berusia lingkungan 18 hingga 45 tahun. Kesemua mereka tidak memiliki dokumen pengenalan diri yang sah.

"Kesemua nelayan asing itu ditahan kerana menceroboh perairan negara. Kes akan disiasat mengikut Seksyen 15(1)(a) Akta Perikanan 1985 iaitu menangkap ikan di perairan Ma-

laysia tanpa kebenaran Ketua Pengarah Perikanan Malaysia," katanya dalam satu kenyataan media pada Selasa.

Jelasnya, semua nelayan bersama bot mereka dibawa ke Jeti Limbongan Batu Maung untuk diserahkan kepada Pegawai Penyiasat APMM Pulau Pinang untuk tindakan lanjut.

Lima nelayan warga Indonesia ditahan bersama bot mereka oleh sepasukan penguat kuasa Maritim Malaysia Pulau Pinang pada petang Isnin.